

# PROPERAZINE TABLET

Prochlorperazine Maleate (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Properazine Tablet
2. Bagaimana Properazine Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Properazine Tablet
4. Cara menggunakan Properazine Tablet
5. Semasa menggunakan Properazine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Properazine Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Properazine Tablet

Properazine Tablet digunakan untuk mengawal loya dan muntah yang teruk serta untuk merawat masalah keresahan yang bukan psikotik.

## Bagaimana Properazine Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah prochlorperazine maleate. Prochlorperazine maleate berfungsi membetulkan ketidakseimbangan bahan kimia di dalam otak yang menyebabkan rasa muntah, loya dan keresahan.

## Sebelum menggunakan Properazine Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan Properazine Tablet jika anda:
- mempunyai alahan terhadap prochlorperazine maleate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
  - mempunyai masalah sumsum tulang.
  - mengalami masalah kemurungan.

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun atau berat badan di bawah 9kg kerana tiada bukti mencukupi yang menunjukkan penggunaannya adalah selamat.

### -Sebelum mula menggunakan Properazine Tablet

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda ada/mempunyai:

- sindrom Reye dan penyakit lain yang menjejaskan otak.
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata).

- terdedah kepada haba yang melampau.
- menjalani pembedahan baru-baru ini.
- mengalami halangan usus.

### Mengandung dan penyusuan bayi

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Jangan ambil ubat ini jika anda mengandung atau menyusu badan kerana ubat tersebut mungkin didapati di dalam susu ibu dan menyebabkan kesan sampingan kepada bayi. Kesan sampingan seperti penyakit kuning, agitasi, pengecutan otot, menggeletar dapat diperhati pada bayi yang baharu lahir jika ibunya mengambil prochlorperazine maleate.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- ubat untuk rawatan kanser.
- ubat cair darah.
- ubat diuretic thiazide (tablet air) untuk tekanan darah tinggi.
- propranolol (ubat untuk merawat masalah jantung).

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan

## Cara menggunakan Properazine Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: 1 hingga 2 tablet diambil 3 atau 4 kali sehari.

Sila rujuk kepada doktor anda mengenai pengambilan dos. Doktor anda akan menetapkan dos mengikut tindak balas anda terhadap rawatan yang diberikan terutamanya pada orang tua.

Kanak-kanak:

Untuk loya dan muntah yang teruk, doktor anda akan menetapkan dos mengikut berat badan kanak-kanak.

Berat Badan	Dos	Tidak melebihi
Bawah 9kg	Tidak disyorkan	-
9kg - 13 kg	½ tablet, 1 atau 2 kali sehari	1½ tablet sehari
14kg -17kg	½ tablet, 2 atau 3 kali sehari	2 tablet sehari
18kg - 39kg	½ tablet, 3 kali sehari atau 1 tablet, 2 kali sehari.	3 tablet sehari

Untuk keresahan bukan psikotik (kanak-kanak 2 hingga 12 tahun): Mulakan dengan ½ tablet diambil 2 atau 3 kali sehari. Jangan berikan lebih daripada 2 tablet pada hari pertama. Kemudian naikan dos mengikut tindak balas.

Jumlah dos harian biasanya tidak melebihi 4 tablet untuk kanak-kanak berumur 2-5 tahun dan 5 tablet untuk kanak-kanak berumur 6-12 tahun.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketegangan otot, mengantuk, renggutan, pertuturan yang tidak jelas, kegelisahan, sawan, degupan jantung tidak teratur, tekanan darah rendah dan mulut kering.

## Semasa menggunakan Properazine Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Properazine Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandungi semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Properazine Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

#### Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

#### Ujian makmal

Beritahu doktor anda sekiranya anda akan menjalani ujian phenylketonuria (PKU) kerana ia mungkin menghasilkan keputusan ujian positif palsu.

## Kesan-kesan sampingan

Sebagai ubat-ubatan lain, Properazine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Beritahu doktor jika anda mengalami :

- Umum: Rasa mengantuk, pening, ketiadaan haid, penglihatan kabur, reaksi kulit dan tekanan darah rendah.
- Profil darah: Tahap bilirubin tinggi, bilangan sel darah putih rendah.
- Saraf dan otot:
  - agitasi
  - badan menggeletar dan sukar untuk tidur
  - kekejangan otot
  - rahang, leher atau belakang badan kaku
  - kekejangan sekitar kaki dan tangan
  - kesukaran untuk menelan

- pergerakan mata yang luar biasa (termasuk mata mengguling)
- penonjolan lidah
- simptom yang mungkin menyerupai penyakit Parkinson (seperti muka bertopeng, air liur berlebihan, menggeletar, kekakuan di lengan dan kaki, dan berjalan menyeret kaki).

Kesan sampingan seperti pergerakan tersentak yang merangkumi lidah, muka, mulut atau rahang mungkin berlaku kepada mereka yang mengambil ubatan dalam tempoh yang berpanjangan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npa.gov.my](http://npa.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (CONSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Properazine Tablet

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat, cembung, berwarna putih tanpa ukiran.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
  - Prochlorperazine maleate
- Bahan- bahan tidak aktif
  - Corn Starch
  - Lactose
  - Magnesium Streate

- PVP K-90
- Isopropyl Alcohol

### - Nombor MAL

- MAL19861405AZ
- MAL20051298ASZ

## Pengilang

(MAL19861405AZ)

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

(MAL20051298ASZ)

Sunward Pharmaceutical Pte.Ltd  
No.11,Wan Lee Road, Singapore, 627943.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

17/02/2023

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)301122/00108